

PEMBERIAN E-VOUCHER PERCUMA KEPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA YANG BERDAFTAR GST

Dimaklumkan bahawa permohonan mendapatkan E-Voucher daripada SME Corp Malaysia oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan berakhir pada 10hb. November 2014 jam 12.00malam. Selepas tarikh ini, semua orang berdaftar GST akan diberikan E-Voucher bernilai RM1,000 secara automatik selepas berjaya mendaftar.

E-Voucher ini akan dihantar oleh SME Corp Malaysia melalui e-mail kepada PKS dimana PKS boleh mencetak E-Voucher berkenaan. Bagi PKS yang berdaftar sebelum tarikh 11hb. November 2014 tetapi masih belum mendapat E-Voucher, proses mengeluarkan E-Voucher akan dilakukan secara berperingkat dalam masa 2 minggu.

E-Voucher ini adalah merupakan bantuan kewangan kerajaan Malaysia bagi membantu orang berdaftar membeli atau menaiktaraf perisian perakaunan yang diperakui oleh pihak Jabatan Kastam Malaysia. Semua orang berdaftar bertaraf PKS diminta menyemak E-Voucher masing-masing.

Sekian, harap maklum